

Bahasa dalam Sistem Perundangan Negara



Bahasa merupakan wadah utama dalam sistem perundangan di dunia. Semua undang-undang perlu ditulis dalam bahasa yang difahami oleh masyarakat yang memilikinya. Dalam kamar mahkamah sekalipun, bahasa menjadi faktor terpenting yang perlu diambil kira. Perbicaraan boleh tertangguh dan terganggu sekiranya tertuduh atau saksi tidak memahami bahasa yang digunakan oleh pihak mahkamah. Menurut Isabel Pefianco Martin (2012) dalam *Expanding the Role of Philippine Languages in the Legal System: The Dim Prospects*, terdapat satu kes pembunuhan di Filipina yang tertangguh hampir empat tahun disebabkan saksi tidak memahami bahasa Inggeris yang digunakan dalam sesi perbicaraan tersebut.

Kes tersebut hampir ditolak oleh Hakim Ronaldo Martin kerana mendapati tiada saksi atau wakil yang mengenali mangsa hadir semasa perbicaraan. Namun, sebelum membuat keputusan untuk menolak kes tersebut, Hakim Ronaldo sekali lagi bertanya dalam bahasa Filipina, iaitu, "*Sino sa inyo ang nakakakilala sa biktima?* (Adakah terdapat seseorang di dalam bilik ini yang mengenali mangsa?). Pertanyaan hakim itu telah menyebabkan seorang wanita warga emas mengangkat tangan sebagai isyarat mengenali mangsa. Rupa-rupanya, sepanjang tempoh empat tahun kes tersebut dijalankan, wanita tersebut tidak memahami butiran perbicaraan kes pembunuhan tersebut kerana dikendalikan dalam bahasa Inggeris.

Perkara sebegini nampaknya mudah tetapi sebenarnya ramai yang terlepas pandang tentang peri pentingnya penggunaan bahasa kebangsaan dalam sistem perundangan di sesebuah negara.

Menelusuri sejarah sistem perundangan di Malaysia, khususnya sebelum kedatangan kuasa Barat di Tanah Melayu, terdapat dua buah undang-undang yang diguna pakai pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Kedua-dua undang-undang ini berteraskan peraturan adat temenggung dan dikenali sebagai Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka yang ditulis dalam bahasa Melayu. Selepas Perjanjian Pangkor 1874, undang-undang Inggeris, iaitu Common Law mula mengambil tempat dalam bidang perundangan di Tanah Melayu sehingga merdeka. Bagi Sabah dan Sarawak, walaupun telah menerima pengaruh Inggeris seawal tahun 1882 dan 1842, undang-undang Inggeris hanya diterima secara rasmi di Sabah pada tahun 1951 melalui Ordinan Pelaksanaan Undang-undang Borneo Utara 1951, manakala Sarawak pada tahun 1949, iaitu melalui Ordinan Pelaksanaan Undang-undang Sarawak 1949. Justeru, dalam tempoh yang panjang, iaitu hampir satu dekad (1874-1957), undang-undang Inggeris telah menjadi nadi utama dalam sistem perundangan negara. Hal yang sedemikian ini menyebabkan berlakunya sikap kurang yakin terhadap bahasa Melayu, khususnya dalam kalangan pengamal bidang perundangan di negara ini. Walau bagaimanapun, sikap ini perlu dikikis agar matlamat pembentukan sebuah negara merdeka, dapat dirasai melalui penggunaan bahasa kebangsaan yang diyakini dapat mencari titik keadilan di mahkamah.

Di Malaysia, melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang dipinda pada tahun 1967, penggunaan bahasa Melayu telah dikuatkuasakan dalam sistem perundangan tanpa memberi sebarang pengecualian. Namun, selepas setengah abad berlalu, bahasa Melayu masih jauh ketinggalan, sama ada dalam penggunaannya di kamar mahkamah, mahupun dalam penulisan alasan penghakiman. Perkara ini pernah ditegur oleh Profesor Dr. Teo Kok Seong dalam Berita Harian, 21 Januari 2016, yang mengatakan bahawa dalam tempoh yang panjang itu, bahasa Melayu telah dipersia-siakan oleh pengamal bidang perundangan, khususnya dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu. Mereka terlalu asyik menggunakan bahasa Inggeris sehingga menjadikan bahasa tersebut indah dan cekap dalam bidang perundangan. Bahasa Melayu yang telah dikuatkuasakan tetapi tidak meluas penggunaannya, menjadikan bahasa tersebut ketinggalan dari aspek perkembangan linguistik serta kosa kata dalam ilmu perundangan. Permasalahan yang sedemikian ini berbalik kepada sikap penutur itu sendiri yang tidak berupaya menyematkan rasa bangga apabila menggunakan bahasa kebangsaan dalam bidang perundangan.

Selain teguran ahli akademik, isu dan permasalahan ini turut disentuh oleh Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, mantan Ketua Hakim Negara dalam *Utusan Malaysia*, 12 Julai 2008, yang mengatakan bahawa penggunaan bahasa Melayu di mahkamah masih belum sempurna kerana bercampur antara bahasa kebangsaan dengan bahasa Inggeris, umpama sekerat ular, sekerat belut. Bahasa Melayu yang menjadi bahasa rasmi di

mahkamah sepatutnya lebih diutamakan berbanding bahasa lain sejak penguatkuasaan Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Dalam tempoh yang panjang ini, bahasa Melayu sepatutnya telah mantap dan berwibawa penggunaannya. Sikap acuh tak acuh untuk memartabatkan bahasa Melayu di mahkamah, khususnya dalam kalangan hakim dan peguam Melayu harus diatasi. Hal ini dikatakan demikian kerana isu-isu bahasa yang terdapat di Malaysia, termasuk di mahkamah, sepatutnya telah lama selesai dalam tempoh sepuluh hingga dua puluh tahun selepas negara merdeka. Namun hal yang berlaku adalah sebaliknya.

Membicarakan persoalan bahasa Melayu dalam bidang perundangan bukan bermakna kita menentang penggunaan bahasa Inggeris. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Inggeris merupakan nadi dalam pembentukan sistem perundangan di Malaysia sejak merdeka. Namun begitu, pada 1 September 1967, pengamal bidang perundangan di negara ini harus menerima ketetapan bahawa undang-undang yang ditulis dalam bahasa Melayu merupakan naskhah sah berbanding naskhah yang sebelum ini yang hanya berstatus terjemahan. Penetapan ini sepatutnya disambungkan dengan semangat serta tindakan yang berterusan agar dalam tempoh tersebut, bahasa Melayu tidak lagi dipandang sebagai bahasa kelas kedua dalam kamar mahkamah. Sikap dan mentaliti inilah yang perlu dihapus dalam kalangan pengamal bidang perundangan serta seluruh rakyat Malaysia tentang tanggungjawab kita memartabatkan bahasa Melayu yang menjadi teras dalam pembinaan negara Malaysia.

Sebenarnya, telah terdapat penegasan terhadap penggunaan

bahasa Melayu di mahkamah agung, mahkamah tinggi dan mahkamah rendah sejak tahun 1998, iaitu melalui arahan yang dikeluarkan oleh Tun Dato' Seri Mohd Eusoff b. Chin, Ketua Hakim Negara pada ketika itu. Dalam surat tersebut, beliau telah mengarahkan semua hakim mahkamah dan pesuruhjaya kehakiman menjalankan prosiding dalam bahasa kebangsaan, sesuai dengan peruntukan yang telah berkuat kuasa sejak 19 Februari 1990. Lebih awal daripada itu, iaitu pada 20 November 1969, melalui *Registrar's Circular No. 7 of 1969*, telah dikeluarkan arahan kepada semua Yang Dipertua Kanan atau Yang Dipertua Mahkamah Seksyen dan Majistret untuk menggunakan bahasa Melayu dalam semua percbararaan di mahkamah. Manakala, bagi urusan surat menyurat, penggunaan bahasa Melayu telah dikuatkuasakan melalui *Registrar's Circular No.2/1962* yang telah dikeluarkan pada 6 September 1962.

Selain itu, pada 21 September 1981, Jabatan Kehakiman, Mahkamah Persekutuan telah mengeluarkan garis panduan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah, melalui Pekeliling Pendaftar (U) No. 12 Tahun 1981. Pekeliling ini sekali lagi menegaskan bahawa penggunaan bahasa Melayu di mahkamah dapat mencapai matlamat keadilan sama seperti penggunaan bahasa Inggeris. Soal keadilan yang mungkin terjejas sekiranya menggunakan bahasa Melayu tidak sepatutnya menjadi alasan untuk melaksanakan penggunaan bahasa kebangsaan. Pekeliling ini sangat jelas tentang kedudukan bahasa Melayu dalam bidang perundangan, daripada urusan pentadbiran, kehakiman, majlis keraian, sehinggalah

pengisytiharaan persidangan. Namun begitu, pekeling ini hanya terpakai di Semenanjung Malaysia sahaja. Bagi Sabah dan Sarawak, bahasa Inggeris masih digunakan sehingga kini dalam bidang perundangan.

Ketegasan untuk memartabatkan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan mahkamah, turut dapat dilihat dalam Pekeliling Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Bil 2/1999 bertarikh 22 Mei 1999. Dalam pekeling tersebut, jelas dinyatakan bahawa surat yang ditulis dalam bahasa Inggeris atau bahasa selain bahasa Melayu, hendaklah tidak dilayan dan dikembalikan dengan catatan "Sila gunakan bahasa Malaysia di dalam surat-menysurat ke Mahkamah". Menariknya, pekeling ini turut terpakai di seluruh Malaysia termasuk di Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Penegasan sebegini amat perlu untuk memastikan bahasa Melayu mempunyai nilai dan martabatnya yang tersendiri dalam bidang perundangan. Namun begitu, pelaksanaan dan penguatkuasaan bahasa Melayu dalam surat-menysurat belum mencukupi untuk menjadikannya kuat dan hebat di mahkamah. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa Melayu hanya akan berkembang maju dari aspek linguistik dan kosa katanya jika digunakan secara meluas dalam sesi percbararaan dan alasan penghakiman.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas membuktikan adanya usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam bidang perundangan di negara ini. Namun begitu, dilema bahasa Melayu dalam sistem perundangan sama seperti dilema bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar pendidikan. Hal ini dikatakan demikian

kerana bahasa Melayu tidak dapat dikuatkuasakan secara mutlak disebabkan wujudnya beberapa pengecualian dan kebenaran untuk menggunakan bahasa selain bahasa Melayu. Perkara yang sedemikian ini dapat dilihat dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963, Seksyen 8, yang masih memberikan kebenaran untuk menjalankan prosiding dalam bahasa Inggeris di semua peringkat mahkamah. Pengecualian ini akan menjadi ruang kepada pengamal bidang perundangan untuk menjalankan prosiding dalam bahasa Inggeris. Perkara ini turut disentuh oleh Tan Sri Abdul Aziz Abdul Rahman dalam *Ultusan Malaysia*, 31 Ogos 2011 yang mengesyorkan seksyen tersebut diubah suai supaya bahasa Inggeris hanya digunakan di mahkamah berhubung perkara yang berkaitan dengan undang-undang Inggeris dan Komanwel.

Penggunaan bahasa Melayu dalam bidang perundangan bukanlah suatu perkara yang mustahil. Hal yang sedemikian ini diakui sendiri oleh Tun Abdul Hamid Mohamad, mantan Ketua Hakim Negara dalam "Wacana Amalan Baik Membudayakan Bahasa Melayu Tinggi di Institut Pengajian Tinggi yang diadakan pada 30 Oktober 2012. Beliau sendiri mengakui bahawa beliau antara hakim yang paling banyak menulis alasan penghakiman di mahkamah tinggi dalam bahasa Melayu sepanjang empat puluh tahun perkhidmatan dalam bidang kehakiman dan perundangan. Sikap sebegini wajar dipuji dan dicontohi sesuai dengan peribahasa Melayu, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebagai badan yang dipertanggungjawabkan mentafsir dan menjunjung undang-undang di Malaysia, adalah mustahil sekiranya mereka gagal

melihat kepentingan Perkara 152 Perlembagaan Malaysia dan Akta Bahasa Kebangsaan 1963. Walhal, merekalah yang sepatutnya menjadi contoh kepada masyarakat umum dalam pemartabatan bahasa kebangsaan agar lebih diyakini, dikagumi dan dihormati penggunaannya.

Selain itu, sejarah juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu mempunyai taraf yang

Pandangan yang mengatakan bahasa Melayu tidak berupaya mencapai titik keadilan dan akan memprejudiskan hak anak guam mereka adalah pandangan yang sempit dan tidak berpijak di bumi yang nyata.

tinggi dalam kamar mahkamah. Pada 10 Oktober 2009, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam kes saman malu terhadap Tun Dr. Mahathir Mohamad atas perundangan. Sikap sebegini wajar dipuji dan dicontohi sesuai dengan peribahasa Melayu, di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung. Hal ini dikatakan demikian kerana, sebagai badan yang dipertanggungjawabkan mentafsir dan menjunjung undang-undang di Malaysia, adalah mustahil sekiranya mereka gagal

berdasarkan Perkara 152 (Seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan) Perlembagaan Persekutuan dan Perkara 110 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rayuan-1994. Dalam penghakiman bertulis yang bertarikh 2 November 2009, Hakim Abdul Malik menyatakan bahawa kegagalan mengemukakan memorandum rayuan dalam bahasa Melayu menjadikan rekod rayuan Anwar cacat dan menyebabkan rayuannya diketepikan. Ketegasan yang sedemikian ini jelas membuktikan bahawa bahasa kebangsaan mesti digunakan, bukan sahaja semasa prosiding, tetapi juga semasa memfailkan dokumen-dokumen mahkamah.

Daripada kejayaan di atas, dapat dirumuskan bahawa bahasa Melayu sememangnya berupaya menjadi bahasa rasmi dalam sistem perundangan negara. Pandangan yang mengatakan bahasa Melayu tidak berupaya mencapai titik keadilan dan akan memprejudiskan hak anak guam mereka ialah pandangan yang sempit dan tidak berpijak di bumi yang nyata. Namun begitu, kelangsungan bahasa Melayu di mahkamah tidak harus disandarkan pada satu-satu kes tertentu sahaja. Pelaksanaannya mesti menyeluruh dan tekal, serta sentiasa diberikan nilai tambah dari semasa ke semasa sehingga menjadikannya cekap dan indah dalam kamar mahkamah, mahupun di atas kertas alasan penghakiman. Hal ini dikatakan demikian kerana sesuatu bahasa yang dikatakan hidup dan maju bukan diukur daripada statusnya yang tinggi dalam kertas perlembagaan, tetapi dilihat dari segi keupayaannya mengungkap ilmu dan dapat diterima dengan meluas penggunaannya. DB